

UPM Angels juara Liga Super KRM

» *Singkir Keris Conlay pada aksi final*

Oleh Mohd Khairie Khalid

khairie@bh.com.my

► **Bangi**

Universiti Putra Malaysia (UPM) Angels dinobatkan sebagai juara Ragbi Liga Super KRM (Kesatuan Ragbi Malaysia) 2016 selepas menundukkan Keris Conlay, 16-13 pada aksi final di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Tempat ketiga pula milik Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) Tsunami selepas menewaskan Negeri Sembilan (NS) Wanderers 42-31 pada perebutan kedudukan berkenaan.

Pada final semalam kedua-dua pasukan terikat 13-13 ketika aksi berbaki kira-kira lima minit sebelum Mohammad Faizal Md Tahir muncul wira de-

ngan menyempurnakan penalti.

Sebelum itu dia turut memberikan mata menerusi sepakan penalti pada minit ke-66 dan ke-69 untuk sekali gus diangkat sebagai pemain terbaik perlawanan. UPM turut memperoleh satu try melalui Faat Hor Rozi pada minit ke-36 yang conversionnya turut disempurnakan oleh Faizal.

Dua penalti

Conlay pula memperoleh dua penalti menerusi Fairuz Ab Rahman pada minit ke-19 dan ke-60, manakala try menerusi pemain import, Fijian Jone Marawa Nasalo pada minit ke-36 dan conversion oleh Fairuz selepas itu.

"Alhamdulillah ini adalah kali pertama UPM Angels menjuarai Liga Super. Tahun lepas kami hanya mampu meraih tempat keempat selepas tewas di peringkat



Pemain Serdang Angels **memperaga hadiah diterima** selepas muncul juara di UKM, semalam.

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

separuh akhir," kata ketua jurulatihnya, Khairizal Ali Amat selepas perlawanan.

Kemenangan itu membolehkan UPM Angels membawa pu-

lang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000:

Selain Angles, Conlay, Tsunami dan Wanderes, kejohanan terbaik turut disertai pasukan UiTM

Lions, Mersing Eagles, Asas RC, Iskandar Raiders, KL Saracens, COBRA, ATM JIj, KSDBKL, Politeknik Maaysia dan Panthers Blowpipes.